

Tiada kenaikan harga simen - KPNDHEP

Februari 13, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



**KENYATAAN MEDIA**
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 18 Persiaran Perdana, Presint 2,
62575 Putrajaya
No. Telefon : 03-8882 5562
No. Faks : 03-8882 5565

HASIL PEMERIKSAAN ADUAN KENAIKAN HARGA SIMEN DI PERINGKAT PENGILANG

Putrajaya, 13 Februari 2020. Kementerian telah menerima aduan daripada Persatuan Pembina Johor (JPBA) dan juga aduan media media sosial berhubung dakwaan berlakunya kenaikan harga simen dari 20% hingga 50%.

Berindak daripada aduan tersebut, Bahagian Pengukuatan Kementerian pantas memulakan siasatan sejak 3 Februari 2020 lagi dengan melawat pengadu kilang-kilang yang diadu serta mengeluarkan Notis 21 di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011 (AKUAP 2011) kepada para pemain industri yang berkaitan untuk membolehkan maklumat yang diperlukan oleh pihak Kementerian.

Berahan Notis Pengukuatan Maklumat Bersebaran dan Notis bertulis di bawah Seksyen 21, AKUAP 2011 telah dikeluarkan oleh KPNDHEP kepada empat (4) pengilang simen utama pada 3 Februari 2020 seperti yang berikut:

1. SLAG CEMENT (SOUTHERN) SDN BHD
2. LAFARGE CEMENT SDN BHD
3. HOLCIM (MALAYSIA) SDN BHD
4. YTL Perak Hanjoong Simen Sdn Bhd

PUTRAJAYA, 13 Feb - Tiada berlaku kenaikan harga simen di peringkat pengilangan, hasil pemeriksaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna (KPNDHEP).

Menteri berkenaan, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dalam satu kenyataan memaklumkan, KPNDHEP telah berjumpa dengan pengadu iaitu Persatuan Pembina Johor serta melawat kilang-kilang yang diadu dan mengeluarkan Notis 21 di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 kepada empat pengilang simen utama.

Hasil maklum balas notis tersebut mendapati, tidak berlaku kenaikan harga simen, sebaliknya harga dan kos simen berkurangan dari tahun ke tahun.

Bagaimanapun, KPNDHEP akan tetap meneruskan pemeriksaan di peringkat pemasaran am berhubung isu sama.